

UUM Tingkatkan Kerjasama Dengan Kerajaan Negeri Melaka

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 06 September 2010 18:05

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

6 SEPTEMBER 2010/27 RAMADAN 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM Tingkatkan Kerjasama Dengan Kerajaan Negeri Melaka

Majlis berbuka puasa antara Ketua Menteri Melaka dengan Naib Canselor UUM dan pelajar IPT

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Melaka dalam bidang penyelidikan, perundingan serta membangunkan pusat pengajian pelancongan dan hospitaliti di negeri ini.

Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, hubungan dan kerjasama erat ini akan diteruskan kerana UUM sebagai sebuah Universiti Pengurusan Terkemuka akan membuka ruang kerjasama ini kepada semua pihak terutama kepada kerajaan negeri.

"Saya amat berharap hubungan yang terbina antara kita semua dapat diteruskan pada masa akan datang dan harapan saya agar Kerajaan Negeri Melaka akan terus bekerjasama dengan UUM dalam pelbagai perancangan yang lain di masa depan," katanya ketika berucap di Majlis Berbuka Puasa Bersama Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dengan anak-anak yatim dan penghuni warga emas Yayasan Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) di kediaman rasmi Ketua Menteri Melaka, di sini, baru-baru ini.

Program berbuka puasa ini adalah kerjasama antara UUM dengan IPT dan Yayasan Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) di kediaman rasmi Ketua Menteri Melaka.